



25.7.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP and PBA Holdings Bhd.

LATIHAN UNTUK MELAHIRKAN ANGGOTA POLIS YANG “BANTU” LINDUNGI ASET BEKALAN AIR PULAU PINANG

- **Hab Polis Bantuan PBAHB dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang berhampiran Empangan Air Itam.**

PULAU PINANG, Jumaat, 25.7.2025: PBAHB telah membuka sebuah Hab Polis Bantuan (HabPB) untuk melatih pasukan anggota keselamatan secara berterusan bagi melindungi aset bekalan air Pulau Pinang.

HabPB ini terletak di sebuah kompleks banglo yang telah diubah suai berhampiran Empangan Air Itam. Bangunan ini sebelum ini menempatkan Pusat Latihan Air Itam yang dikendalikan oleh Akademi Perkhidmatan Air Pulau Pinang (PWSA). Kini, PWSA telah menyatukan semua kursus dalam kelas di Pusat Operasi Sehenti Rifle Range milik PBAPP.

Bangunan ini telah dinaik taraf dengan peruntukan minimum RM80,000. Di HabPB ini, anggota Polis Bantuan PBAHB akan menjalani latihan yang merangkumi:

- Kecergasan fizikal;
- Undang-undang dan prosedur operasi standard berkaitan tugas Polis Bantuan;
- Aspek keselamatan di tempat kerja dan keselamatan jalan raya;
- Ulangkaji kawad;
- Ulangkaji Seni Mempertahankan Diri, T-baton dan Teknik Tangkapan;
- Pengendalian haiwan berbisa; dan
- Pensijilan di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 bagi operasi keselamatan dan Tahap 3 bagi penyeliaan keselamatan.

Yang paling penting, HabPB akan digunakan untuk melatih anggota Polis Bantuan yang profesional, namun bersikap mesra dan membantu, bagi melindungi aset bekalan air Pulau Pinang.

Hal ini penting kerana anggota Polis Bantuan merupakan barisan hadapan yang berinteraksi dengan para pengunjung dan pelancong di fasiliti PBAPP yang dibuka kepada orang awam.

Fasiliti-fasiliti ini merangkumi kawasan rekreasi hijau yang popular seperti Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Rekreasi Bukit Dumbar di Pulau Pinang; serta Empangan Mengkuang yang Duiperbesarkan di Seberang Perai.

Secara asasnya, tugas mereka adalah untuk memastikan premis-premis PBAPP ini sentiasa selamat dan terjamin untuk diakses oleh orang ramai setiap hari. Kehadiran mereka serta rondaan yang dijalankan di kawasan empangan dapat mencegah jenayah,

aktiviti membuang sampah merata-rata, kenakalan dan salah laku. Sekiranya berlaku sebarang ancaman, kejadian atau situasi kecemasan, mereka telah dilatih untuk membantu orang awam mendapatkan perlindungan dan keselamatan.

Contohnya, apabila kejadian tanah runtuh berlaku berhampiran empangan dan kawasan tadahan air, mereka ditugaskan untuk mengawal aliran trafik demi mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya.

Semasa gangguan bekalan air berjadual mahupun tidak berjadual di Pulau Pinang, anggota Polis Bantuan PBAHB turut tampil membantu dan menyokong operasi lori tangki di kawasan-kawasan perumahan di seluruh negeri. Malah, 10 orang anggota kami juga telah berkhidmat sebagai pemandu lori tangki.

Justeru itu, peranan dan tanggungjawab anggota Polis Bantuan PBAHB bukan sekadar menjaga keselamatan fasiliti dan premis PBAPP semata-mata. Mereka juga memainkan peranan penting dalam menyokong tanggungjawab korporat PBAPP sebagai sebuah operator bekalan air yang “mesra, prihatin dan responsif” di Pulau Pinang.

Pasukan Seramai 183 Anggota

Pasukan Polis Bantuan PBAHB telah ditubuhkan pada tahun 2013 dengan hanya 11 anggota. Sehingga Julai 2025, PBAHB menggajikan seramai 183 anggota Polis Bantuan, yang diketuai oleh ASP Rusdi bin Junoh.

Pasukan ini memiliki 6 buah kereta peronda dan 18 buah motosikal untuk menjalankan rondaan dan pemeriksaan harian di lokasi-lokasi penting. Mereka juga mengendalikan Pusat Kawalan Sistem CCTV 24/7 yang terletak di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Di pusat kawalan ini, para anggota mengoperasikan sistem CCTV atas talian untuk memantau aktiviti di **18 buah kemudahan utama PBAPP**, termasuk:

- Muka sauk Lahar Tiang di Sungai Muda, iaitu sumber air mentah utama Pulau Pinang;
- Terusan Sungai Dua sepanjang 14km yang menyalurkan air mentah dari muka sauk tersebut;
- LRA Sungai Dua (loji rawatan air terbesar dan terpenting Pulau Pinang) serta 9 buah LRA lain di seluruh negeri; dan
- Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (yang dibuka kepada orang awam), serta Empangan Bukit Panchor.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my